



KENYATAAN MEDIA
JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SEMBILAN
KES ALAM SEKITAR YANG DIBAWA KE MAHKAMAH DAN TELAH SELESAI:

PENDAKWARAYA
LAWAN
SEPANG CEMERLANG SDN BHD
[NO SYARIKAT: 199401030147 (315828-D)]

7 Februari 2024 – Sepang Cemerlang Sdn Bhd merupakan premis tapak cadangan pembinaan di atas Lot PT27160, Mukim Setul Daerah Seremban, Negeri Sembilan.

2. Pada 17 November 2022 pada jam sekitar 10.00 pagi hingga 11.00 pagi, sepasukan pegawai dari Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan telah menjalankan siasatan penguatkuasaan ke premis tersebut. Semasa siasatan di tapak dijalankan di kawasan yang sedang aktif menjalankan kerja tanah sahaja iaitu fasa 4 & 5. Pemeriksaan keberkesanan komponen kawalan kerja tanah iaitu kolam mendapan ST.2. Satu (1) sampel air larian permukaan telah diambil daripada kolam mendapan ST.2 dan dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia, Negeri Melaka untuk dianalisa oleh Ahli Kimia Kerajaan.

3. Keputusan analisa daripada Jabatan Kimia Malaysia, no makmal: **M(AS)00339/22** bertarikh **6 Disember 2022** menunjukkan air larian permukaan yang telah diambil telah melebihi had yang disyaratkan di dalam syarat kelulusan EIA **No.23(ii)**, Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling no rujukan ASNS(B)50/013/701/021 bertarikh 25 April 2013 iaitu kandungan **Pepejal Terampai** dengan kepekatan **270 mg/L** melebihi had yang disyaratkan iaitu **50 mg/L**.

4. Pihak premis telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 34A(8), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta127) yang dibaca Bersama dengan Seksyen 34A(7) Akta yang sama dan boleh dihukum di bawah Seksyen 34A(8) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

5. Hakim Mahkamah Sesyen 4, Seremban, Yang Arif Puan Mazni binti Nawawi telah mensabitkan kesalahan yang dilakukan oleh premis tersebut telah Syarikat telah dijatuhkan hukuman denda sebanyak RM 50,000. Hukuman maksima bagi kesalahan di bawah Seksyen 34A(8), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 yang dibaca Seksyen 34A(7) adalah denda tidak melebihi RM 500,000.00 atau penjara tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya.

6. Pihak OKS yang diwakili oleh En. Lim Chow King selaku Pengurus syarikat telah membuat pengakuan bersalah di atas satu (1) pertuduhan yang dibacakan dan membayar denda seperti yang ditetapkan. Pendakwaan dijalankan oleh Pegawai Pendakwa Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan, Puan Zainoorliza Binti Zainal Abidin.

7. JAS Negeri Sembilan akan sentiasa mengambil tindakan tegas dan tiada kompromi kepada penjenayah alam sekitar. Saya menyeru orang awam untuk melaporkan sebarang aktiviti yang mencemarkan alam sekitar melalui:

i. Portal e-aduan.doe.gov.my (<https://eaduan@doe.gov.my>)

ii. Call centre 1-800-88-2727

iii. Emel aduan_k@doe.gov.my

Sekian.

JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SEMBILAN 7 FEBRUARI 2024